



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN: 03/2024
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGEMASKINIAN SUKAT-SUKAT LANGKAH PENGURUSAN COVID-19
BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan mengenai pengemaskinian sukat-sukat langkah pengurusan COVID-19 seperti berikut:

**1. LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN
YANG DISAHKAN POSITIF UJIAN ART**

- 1.1. Pegawai dan kakitangan yang mengalami tanda-tanda jangkitan dan disahkan positif ujian *Antigen Rapid Test* (ART) adalah dinasihatkan untuk melaporkan keputusan ujian positif di dalam aplikasi *BruHealth* di mana Sijil Cuti Sakit untuk tempoh **selama tiga (3) hari** akan dikeluarkan melalui aplikasi berkenaan.
- 1.2. Pegawai dan kakitangan yang positif ujian ART adalah dikehendaki untuk mengongsikan Sijil Cuti Sakit yang dikeluarkan melalui aplikasi *BruHealth* tersebut kepada Bahagian/ Unit Pentadbiran masing-masing pada hari pertama disahkan positif sebagai permakluman awal.
- 1.3. Pegawai dan kakitangan hendaklah memaklumkan kepada Bahagian/ Unit Pentadbiran masing-masing apabila kembali bertugas dan untuk dikemaskini ke dalam Sistem Sumber Manusia (SSM).
- 1.4. Sijil Cuti Sakit Kementerian Kesihatan hanya boleh diperolehi melalui aplikasi *BruHealth* sekali bagi setiap enam (6) bulan sahaja. Pegawai dan kakitangan yang positif ujian ART bagi kali kedua atau seterusnya dalam tempoh enam (6) bulan, maka Sijil Cuti Sakit Kementerian Kesihatan tidak akan dikeluarkan melalui aplikasi *BruHealth*.

2. HAL EHWAL PENTADBIRAN

- 2.1. Perancangan pegawai dan kakitangan lain untuk memangku atau menjalankan tugas, jika diperlukan, sepanjang tempoh pegawai dan kakitangan berkenaan telah diberikan sijil cuti sakit untuk dilaksanakan dengan segera.



-2-

3. UMUM

- 3.1. Penggunaan kod hijau atau ungu di dalam aplikasi BruHealth adalah ditiadakan. Kod ungu akan digantikan dengan sijil cuti sakit.
 - 3.2. Penggunaan ujian ART sebelum menghadiri mana-mana majlis adalah tidak lagi disarankan.
 - 3.3. Warga perkhidmatan awam adalah dikehendaki untuk mematuhi sebarang garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa berhubung COVID-19.
 - 3.4. Mana-mana pegawai dan kakitangan yang membuat pengisytiharan palsu (*false declaration*) boleh diambil tindakan undang-undang oleh pihak berwajib selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa pada masa ini.
4. Dengan ini, Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 03/2023 bertarikh 03hb. Zulkaedah 1444 bersamaan 23hb. Mei 2023 adalah dibatalkan.
 5. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai **20hb. Sya'aban 1445 bersamaan 1hb. Mac 2024.**

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

'Ramadhan Berkah Penuh Hikmah'

[AJMAN BIN HAJI MELUDIN]

Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam)

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan, BA 1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (3) JPM/SK/2024
Tarikh : 05 Ramadhan 1445/ 16 Mac 2024